

11.00 pagi, 26.4.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAPP dan PBAHB.

### **KEMASKINI KERJA AIR SWSI APRIL 2025: 85% KEMAJUAN, 19 DARI 23 PROJEK SELESAI**

PULAU PINANG, Sabtu, 26.4.2025: Kemajuan kerja-kerja 23 projek kerja air yang sedang dilaksanakan di bawah gangguan bekalan air berjadual (SWSI) April 2025 telah mencapai tahap 85%, sehingga pukul 10.30 pagi hari ini.

Kerja telah disiapkan untuk 19 daripada 23 projek. Baki 4 projek dijadualkan siap pada jam 4.00 petang hari ini.

1. Penyambungan akhir Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP) berdiameter 1.35m di **Ampang Jajar** di Seberang Perai Tengah. Sehingga jam 10.30 pagi hari ini, status kerja untuk projek ini ialah 46%.
2. Penyambungan akhir Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP) berdiameter 1.35m di **Kampung Teluk** di Seberang Perai Utara. Sehingga jam 10.30 pagi hari ini, status kerja untuk projek ini ialah 30%.
3. Kerja-kerja penggantian injap 1.2m pada saluran paip 1.2m di Jalan Pengkalan Tambang berhampiran Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Perai Utara. Sehingga jam 10.30 pagi hari ini, status kerja untuk projek ini ialah 90%.
4. Pelencongan bahagian saluran paip diameter 0.9m di Kompleks Majlis Sukan Negeri di Batu Uban, Daerah Barat Daya. Sehingga jam 10.30 pagi hari ini, status kerja untuk projek ini ialah 95%.

Secara amnya, PBAPP ingin melaporkan bahawa semua projek kerja air berjalan seperti yang dirancang.

- Pada pukul 4.00 petang hari ini, kami menjangkakan semua kerja akan siap. Sebaik sahaja projek-projek tersebut beroperasi, PBAPP akan meneruskan usaha untuk memulihkan semula perkhidmatan bekalan air mengikut jadual berikut.
- 10.00 malam, hari ini, 26.4.2025:  
40% pemulihan bekalan air (untuk 136,683 daripada 341,708 pengguna

terjejas) di 3 daerah - SPU, SPT dan Daerah Timur Laut (DTL) di bahagian pulau.

- 10.00 malam, esok, 27.4.2025:  
88% pemulihan bekalan air (untuk 300,185 pengguna terjejas) termasuk majoriti pengguna di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pinang.
- 10.00 pagi, Isnin, 28.4.2025:  
Pemulihan bekalan air sepenuhnya untuk semua pengguna terjejas, termasuk baki 41,523 pengguna di hujung paip agihan (EoL) dan kawasan kejiranan tanah tinggi di SPS dan DBD.

PBAPP akan terus memberikan kemas kini pada halaman Facebook PBAPP. Kami juga akan mengeluarkan kenyataan media esok untuk melaporkan perkembangan proses pemulihan bekalan air.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)